

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KHOO SOO SEANG**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10338**

**SOALAN :**

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimana Kerajaan akan mengurangkan kes penipuan warga asing yang dibawa ke Malaysia oleh sindiket dan dipaksa kerja dengan gaji rendah.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan Malaysia memandang berat akan perkara ini yang juga berkait dengan penipuan oleh agen atau sindiket di negara sumber tersebut. Justeru, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan beberapa langkah untuk menangani isu ini seperti membuat hubungan bilateral dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan negara sumber seperti Bangladesh, Kemboja, Sri Lanka dan Vietnam. MoU ini menggariskan mekanisme pengambilan yang jelas, agensi-agensi yang terbabit dalam proses pengambilan serta menekankan tanggungjawab dan peranan Kerajaan, majikan, pekerja dan agensi pekerjaan swasta.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Kerja juga melaksanakan kontrak perkhidmatan yang standard bagi menghapuskan "*contract substitution*", melaksanakan sistem atas talian pengambilan pekerja asing bagi menghapuskan peranan orang tengah/ejen serta mengurangkan kos migrasi dan elemen keterikatan hutang (*debt bondage*) di pihak pekerja. Kementerian Sumber Manusia juga memaklumkan pihak Kedutaan/Pesuruhjaya Tinggi negara sumber melalui sesi

57

perjumpaan (*engagement*) berkenaan dasar-dasar penggajian pekerja asing.

Kerajaan Malaysia ingin menasihatkan para majikan agar mematuhi prosedur yang ditetapkan dan lebih cakna dalam aspek kebajikan pekerja termasuklah melibatkan pekerja warga asing.